

## KPDNHEP kaji tetapkan harga maksimum barangan sempena Aidilfitri

Mei 10, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**PASIR PUTIH, 10 Mei** - Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengkaji untuk menetapkan harga maksimum untuk barangan yang mendapat permintaan tinggi sempena Aidilfitri.

Langkah itu perlu bagi memastikan pengguna tidak terbeban dengan peningkatan harga keterlaluan.

Menurut Timbalan Menteri; Datuk Rosol Wahid, pihaknya akan memastikan tiada peniaga yang mengambil kesempatan.

Beliau ditemui selepas mengadakan lawatan ke Jeti Pendaratan Ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Tok Bali, Pasir Puteh.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18226-kpdnhep-kaji-tetapkan-harga-maksimum-barangan-sempena-aidilfitri>